

Pastikan badal haji tidak jadi 'bedal haji'

Orang ramai dinasihat siasat khidmat elak jadi mangsa scammer

Daripada Syuhada Choo Abdullah di Makkah



Umat Islam di negara ini diingatkan berhati-hati dan siasat sebelum menggunakan perkhidmatan badal haji ditawarkan individu atau syarikat yang tidak dilesenkan Lembaga Tabung Haji (TH).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata ia pendekatan terbaik

bagi mengelak mereka yang berhasrat melakukan badal haji daripada menjadi mangsa penipuan.

Beliau mengakui kes penipuan membabitkan badal haji banyak kali berlaku dan TH sentiasa memberi peringatan berhubung perkara itu.

"Al-Quran dan hadis juga mengajar kita menyiasat betul-betul mengenai suatu perkara itu.

"Kita sentiasa memberi peringatan supaya perbuatan scammer berkait badal haji ini tidak terus berleluasa.

"Jika seseorang mahu mengambil perkhidmatan badal haji bukan ditawarkan syarikat Pengeloa Jemaah Haji (PJH) yang dilesenkan TH, dia perlu menyiasat betul-betul supaya tidak tertipu. Kita tidak mahu badal haji menjadi 'bedal haji,'" katanya ketika sidang media selepas melawat Pusat Rawatan TH di Makkah, malam kelmarin.

Beliau berkata demikian mengulas beberapa video tular di



Mohd Na'im melawat Pusat Rawatan TH di Makkah, malam kelmarin.

(Foto Syuhada Choo Abdullah/BH)

media sosial sejak beberapa hari lalu yang didakwa membabitkan penipuan khidmat badal haji.

Berdasarkan video berkenaan, sekumpulan jemaah dilihat merakam foto individu sambil memegang kertas tertera nama pihak yang menggunakan khidmat badal haji sebelum dibayar sejumlah wang sebagai upah.

Dalam pada itu, Mohd Na'im berkata, rakyat Malaysia yang berhasrat mendapatkan perkhidmatan badal haji boleh merujuk senarai PJH dalam laman sesawang TH yang dilesenkan selepas memenuhi syarat ketat dan kemungkinan berlaku penipuan adalah tipis.

Ditanya punca masih ada mangsa terjerat dengan penipuan tawaran badal haji walaupun kerap diberi peringatan, beliau berkata, rakyat Malaysia secara umum terkenal dengan 'hati lembut' dan mudah mempercayai,

terutama apabila membabitkan urusan ibadah.

Justeru, beliau mengingatkan mereka yang merasakan diri menjadi mangsa penipuan kegiatan itu untuk membuat laporan polis, sementara umat Islam lain pula mengambil iktibar daripada kes sedemikian.

"Kepada scammer pula, saya nasihat jangan disebabkan menipu wang ribuan ringgit itu, kita dibakar pada hari akhirat kelak, takutlah kepada Allah SWT," katanya.

7 jemaah tak dapat wukuf

Dalam perkembangan berasingan, Mohd Na'im mengesahkan tujuh daripada 31,600 jemaah haji Malaysia tidak dapat menyempurnakan ibadah wukuf Selasa lalu bagi memenuhi rukun haji pada musim 1444H/2023M.

Beliau berkata, tiga daripa-

da tujuh jemaah haji itu berada di hospital Arab Saudi kerana koma, manakala empat di pusat rawatan TH Makkah akibat masalah kesihatan mental yang mungkin disebabkan faktor persekitaran, suasana serta cuaca di Tanah Suci.

Katanya, dua jemaah haji yang koma disebabkan serangan strok dan seorang lagi akibat radang paru-paru akan terus menerima rawatan di fasiliti kesihatan Arab Saudi sehingga doktor membenarkan mereka pulang ke tanah air.

"Pesakit koma terbabit berumur 50-an hingga 70-an, manakala yang mengalami masalah kesihatan mental pula berusia 75 tahun ke atas.

"Ahli keluarga semua pesakit berkenaan sudah dimaklumkan mengenai keadaan mereka yang tidak dapat berwukuf di Arafah," katanya.